

MAPS MALAYSIA
(Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia)
Lembaga Arkitek Malaysia

Pekeliling MAPS #1-2022
KEMASUKAN TERUS DAN PINDAHAN KREDIT

1.0 TUJUAN

Pekeliling MAPS #1-2022 terbitan Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (atau 'MAPS') ini disediakan bagi tujuan berikut:

- 1.1. Untuk memberi panduan kepada Pemberi Pengajian Tinggi Senibina (PPS) dan Pemberi Pengajian Tinggi Rekabentuk Dalaman (PPD) dalam hal yang melibatkan perpindahan kredit.
- 1.2. Untuk memastikan penterjemahan kurikulum program yang diiktiraf oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) tidak tercemar atau luntur disebabkan berlakunya kemasukan terus pelajar ke dalam program pengajian berkenaan; pada masa yang sama, MAPS memahami akan keperluan untuk memberikan laluan pengambilan yang sesuai kepada mereka yang berkelayakan.
- 1.3. Pekeliling ini dikhususkan kepada kemasukan terus dan pindahan kredit bagi lulusan dari tahap pengajian Diploma (MQA 4) ke program tahap LAM Bahagian I. Sebarang kemusykilan lain boleh merujuk pada bahagian tertentu sebagai panduan tetapi perlulah diajukan terus kepada MAPS.
- 1.4. Untuk memastikan PPS/PPD berupaya mencipta manfaat yang sebaiknya dari dasar Kemasukan Terus dan Pindahan Kredit yang dibentangkan dalam Pekeliling ini.

2.0 RUJUKAN DAN DEFINISI

Subseksyen 3.2.4(ii) dalam *Manual of Accreditation for Architecture Programme* atau ringkasnya 'MAAP' (2013) dan *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* atau ringkasnya 'PAID' (2019) menyatakan sistem pengambilan pelajar mesti memastikan hanya calon yang berkelayakan diterima masuk ke dalam program pengajian. Syarat dan keperluan kemasukan perlu dimaktubkan bagi memastikan bahawa hanya calon yang memiliki sekurang-kurangnya kelayakan minimum diterima masuk ke dalam program. Kaedah penyaringan calon perlu tersedia dan dilaksanakan. Perincian syarat kemasukan mesti dinyatakan dengan jelas dan diterbitkan dalam buku panduan program.

Dalam menjelaskan aspek berkaitan kemasukan terus dan perpindahan kredit, beberapa istilah asas yang ada kaitan rapat dengannya perlu difahamkan seperti di bawah:

2.1 Pindahan Kredit

Pindahan kredit (*credit transfer*) adalah proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program pengajian terdahulu ke program pengajian yang lain menuju ke arah penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang lain. Proses ini membolehkan kredit bagi kursus dalam program terdahulu dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit bergraduasi program yang disertainya. Pada asasnya, kursus yang boleh dipindahkan kredit adalah kursus yang diperaku setara dengan kursus dalam program baharu yang membawa kepada penganugerahan kelayakan.

2.2 Pindahan Kredit Mendatar

Pindah kredit secara mendatar (*horizontal*) bermaksud kredit yang diluluskan untuk dipindahkan dari program pengajian di tahap kelayakan yang sama seperti dari diploma ke diploma atau ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda. MAPS juga membezakan pindah kredit mendatar dari program yang setara tetapi tidak diiktiraf dengan program yang setara serta diiktiraf.

2.3 Pindahan Kredit Menegak

Pindahan kredit secara menegak (*vertical*) bermaksud kredit yang diluluskan untuk dipindahkan dari program pengajian di tahap kelayakan yang lebih rendah seperti dari sijil ke diploma atau diploma ke ijazah sarjana muda yang diperolehi dari IPT yang diiktiraf di negara berkenaan. MAPS turut membuka ruang kepada pindahan kredit menegak dari program yang berlainan bidang (asalkan ia masih terangkum dalam bidang alam bina dan mengandungi kursus teras Rekabentuk) dengan program yang diiktiraf.

2.4 Pengecualian Kursus

Pengecualian kursus (*course exemption*) adalah prosedur mengecualikan seseorang pelajar berdaftar daripada mengambil kursus dalam program yang diikuti atas sebab-sebab yang munasabah (contoh: kursus yang terdapat dalam program yang baharu diikuti pernah diambil dalam program terdahulu). Pengecualian ini tidak menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan. Oleh itu, pelajar perlu menggantikan kursus yang dikecualikan dengan kursus lain bagi mencukupkan keperluan jumlah kredit untuk bergraduasi.

3.0 KEMASUKAN TERUS DAN PINDAHAN KREDIT

Sistem dan tatacara kemasukan terus ke dalam sesebuah program pengajian diwujudkan oleh IPT bagi tujuan meluaskan peluang melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi kepada pemohon yang mempunyai kelayakan selain dari apa yang ditetapkan semasa ambilan ke Tahun 1 program berkenaan. MAPS menetapkan beberapa elemen penentu untuk diberikan perhatian oleh PPS/PPD:

3.1 Kedudukan terdahulu

'Kedudukan terdahulu' bermaksud kemasukan ke dalam program pengajian pada aras yang lebih tinggi dari semester satu di Tahun 1 pengajian berkenaan (*advanced standing*) berdasarkan kepada kelayakan atau pencapaian pembelajaran terdahulu calon. PPS/PPD mesti menyatakan kriteria yang jelas tentang pengambilan pelajar dengan mengambil kira faktor 'kedudukan terdahulu' seseorang calon, iaitu secara perpindahan dari satu institusi atau dari latar belakang kelayakan atau bidang yang berkaitan; termasuklah menyediakan polisi tentang kaedah penilaian bagi tujuan perpindahan kredit yang menjurus kepada kelayakan program. Perpindahan

kredit dari program yang berakreditasi ke program berakreditasi yang lain boleh dilaksanakan secara terus berasaskan kepada kaedah satu-sama-satu tertakluk kepada sistem penyetaraan yang diamalkan oleh PPS/PPD penerima (rujuk subseksyen 2.2).

3.2 Proses Pemulihan

Proses pemulihan atau tindakan pengawalan kualiti mesti turut dibangunkan bagi menangani standard yang berkepelbagaian yang dibawa oleh calon yang mahu diterima masuk dari program yang tidak diakreditasi dengan menawarkan perpindahan kredit yang sesuai dan munasabah.

3.3 Studio Rekabentuk Senibina sebagai Teras

Bagi program yang meletakkan Studio Rekabentuk Senibina (*Architectural Design Studio*) sebagai teras kepada kurikulumnya, maka ia mesti mematuhi tempoh pengajian yang ditetapkan tertakluk kepada 'tempoh menetap' dalam pengajian (*residency*) selama tidak kurang dari satu (1) tahun dengan pindahan kredit tidak melebihi separuh (50%) dari jumlah keseluruhan unit kredit program berkenaan.

3.4 Studio Rekabentuk sebagai Teras

Manakala, bagi program yang meletakkan Studio Rekabentuk (*Design Studio*) sebagai teras kepada kurikulumnya, maka ia mesti mematuhi tempoh pengajian yang ditetapkan tertakluk kepada tempoh menetap yang disejajarkan dengan pindahan kredit tidak melebihi satu pertiga (33%) dari jumlah keseluruhan unit kredit program berkenaan.

4.0 PRINSIP DAN KETETAPAN ASAS

Pekeliling ini menetapkan beberapa prinsip dan ketetapan asas:

4.1 Prinsip Asas

Pada asasnya MAPS membenarkan pertimbangan kemasukan terus dari kelayakan yang sama bidang dari program yang tidak diakreditasi ke program berakreditasi peringkat LAM Bahagian I dengan hanya membenarkan pindahan kredit tidak lebih dari satu pertiga dari jumlah kredit keseluruhan program berkenaan (MAAP, 2013: 22-3). Pada masa yang sama pelajar berkenaan mestilah memenuhi keperluan menetap (*residency*) dalam program berkenaan tidak kurang dari tempoh dua (2) tahun dari keseluruhan tempoh enrolmen.

4.2 Ketetapan Asas

PPS/PPD mempunyai kaedah, strategi, dan alasan tersendiri dalam menentukan ketetapan pindahan kredit masing-masing. MAPS menghormati ketetapan oleh PPS/PPD. Walau bagaimanapun MAPS menetapkan keperluan minimum yang mesti dipatuhi seperti berikut:

- i. Gred lulus minimum yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.
- ii. Nilai kredit kursus mestilah tidak kurang daripada nilai kredit kursus yang ditawarkan dalam program di PPS/PPD Penerima.
- iii. Apabila sesebuah program itu diakreditasi oleh LAM maka program berkenaan adalah seratus-peratus serasi dan sebanding. Dari sudut kehendak minimum, tidak timbul dalam keadaan sebegini isu berkenaan kesetaraan kurikulum kerana proses penyetaraan telah dipertimbang semasa proses akreditasi atau validasi dilaksanakan.

- iv. Bagi program yang tidak atau belum diiktiraf oleh LAM, maka kesetaraan kurikulum kursus mestilah tidak kurang 80%.
- v. Bagi program (sama bidang) yang telah diakreditasi oleh LAM, maka tidak menjadi isu kepada LAM untuk pelajar yang berkenaan mengikuti kurikulum sesuatu program ke sesuatu program yang lain di institusi lain. MAAP (2013: 20) memberi ruang yang luas bagi tujuan sesebuah program untuk berkolaborasi dengan program lain yang diiktiraf (termasuk di negara lain). Dalam konteks ini kredit yang diperolehi secara sah dari PPS/PPD Penerima itu boleh dipindahkan ke institusi asal di mana pelajar berkenaan berdaftar.
- vi. Bagi program peringkat Diploma (Tahap 4, MQF) ketetapan yang terdapat dalam Pekeliling ini adalah terpakai.

4.3 Pindahan Kredit Secara Mendatar

Aspek yang perlu dipertimbang dalam urusan perpindahan kredit secara mendatar adalah seperti berikut:

- 4.3.1 Diatas keperluan dan alasan yang munasabah, pelajar yang berdaftar dalam program yang diiktiraf oleh LAM boleh dipertimbangkan pemberian pindah kredit secara mendatar dari program di PPS/PPD Asal ke program baharu di PPS/PPD Penerima yang hendak disertai oleh calon/pemohon.
- 4.3.2 MAPS menetapkan subperkara 4.3.1 hanya terpakai dengan syarat pelajar/pemohon masih berstatus pelajar aktif (termasuk pengajiannya tertangguh atas pelbagai faktor munasabah) dan tidak mendapat keputusan gagal dalam program pengajian di PPS/PPD Asal.
- 4.3.3 Selanjutnya, pelajar/pemohon yang dinyatakan dalam subperkara 4.3.2 mestilah sekurang-kurangnya memperoleh gred C (dengan markah 50% dan ke atas) dalam kursus Studio Rekabentuk Senibina yang terangkum dalam program asal.
- 4.3.4 Syarat asas yang dinyatakan dalam subperkara 4.2 turut terpakai,

5.0 SYARAT KEMASUKAN TERUS

Subseksyen 3.2.2 dalam MAAP (2013) menetapkan jumlah masa selama 5 tahun (10 semester) bagi lulusan STPM/Matrikulasi atau setara dan 6 tahun bagi lulusan SPM atau setara sebagai tempoh minimum pendidikan formal senibina, dimana terangkum didalam tempoh ini pengajian dua tahap iaitu peringkat Sarjana Muda Sains (LAM Bahagian I) dan Sarjana (LAM Bahagian II). Manakala PAID (2019) pula menetapkan tempoh masa minimum bagi program Rekabentuk Dalaman tidak kurang dari 3.5 tahun (7 semester) selepas memperoleh kelulusan STPM/Matrikulasi. Dasar Pindah Kredit yang dibentangkan dalam Pekeliling ini lebih menjurus kepada hal berkenaan kemasukan terus dan pindahan kredit ke dalam program pengajian senibina pada tahap LAM Bahagian I, iaitu dari Tahap 4 MQF ke Tahap 6 MQF dan yang seumpamanya.

Dalam konteks pelanjutan pengajian dalam bidang senibina dan rekabentuk dalaman, aktiviti kemasukan terus banyaknya tertumpu kepada pergerakan kemasukan dari kelayakan Diploma ke Sarjana Muda Sains atau Sarjana Muda.

5.1 Varian Kelayakan Diploma

MAPS mengenal pasti beberapa varian program senibina dan rekabentuk

dalam (Tahap 4, MQF) peringkat sebelum LAM Bahagian I (tidak melalui proses kelulusan program atau diakreditasi oleh LAM) kepada tiga kategori umum:

- i. **Kategori A1:**
Diploma Senibina yang bersifat *bona fide* dimana kurikulumnya direkabentuk bertujuan untuk melahirkan Pembantu Teknik (J29), Teknologis, atau Penolong Pegawai dalam bidang Senibina (JA29), atau seumpamanya (contoh: Diploma Senibina dari Politeknik) (lihat juga subseksyen 3.3); dan
- ii. **Kategori A2:**
Diploma Rekabentuk Dalaman yang bersifat *bona fide* dimana kurikulumnya direkabentuk bertujuan untuk melahirkan Pembantu Teknik, Teknologis, atau Penolong Pegawai dalam bidang Rekabentuk Dalaman atau seumpamanya (contoh: Diploma Rekabentuk Dalaman dari Politeknik) (lihat juga subseksyen 3.3); dan
- iii. **Kategori B:**
Diploma selain dari (i) dan (ii) tetapi mempunyai elemen teras Rekabentuk (*Design*) yang ingin memasuki program senibina di peringkat Sarjana Muda Sains (LAM Bahagian I) atau Sarjana Muda Rekabentuk Dalaman (lihat juga subseksyen 3.4).

5.2 Syarat Secara Umum

Secara umumnya, MAPS menetapkan syarat umum yang berikut:

- i. Tempoh menetap (*residency*) selama tidak kurang dari 1 tahun;
- ii. Pindahan kredit sehingga tidak lebih dari separuh (50%) bagi pemohon yang berkelulusan Diploma kategori A1 dan A2;
- iii. Pindahan kredit sehingga tidak lebih dari satu-pertiga (33%) bagi pemohon yang berkelulusan Diploma kategori B ^[1]_{SEP} (contoh: program Diploma yang tidak dikendalikan oleh PPS/PPD yang turut mengendalikan program Sarjana Muda Sains Senibina (setaraf LAM Bahagian I) atau/dan Sarjana Muda Rekabentuk Dalaman (bagi program dimana Studio Rekabentuk sebagai teras kurikulum);
- iv. Berhubung dengan perkara 5.2(ii) dan (iii), seseorang calon itu perlu mendapat keputusan kursus studio Rekabentuk Senibina (*Architectural Design*) atau Rekabentuk/Senireka (*Design*) tidak kurang dari gred B (markah 65% dan ke atas);
- v. Pindahan kredit sehingga tidak lebih dari satu perenam (16%) dari jumlah keseluruhan kredit bagi pemohon yang berkelulusan Diploma selain dari kategori A1, A2, dan B di atas selagi mana gred minimum kursus studio Rekabentuk Senibina adalah gred C (lulus minimum dengan markah 50% dan ke atas).
- vi. Tambahan kepada perkara 5.2(v), peratus pindahan kredit dibenarkan pada kadar satu pertiga (33%) hingga separuh (50%) dari jumlah keseluruhan kredit dengan syarat gred minimum kursus adalah gred B (markah 65% dan ke atas).
- vii. Dalam melaksanakan penyetaraan menerusi prosedur pindahan kredit, kursus-kursus bukan-rekabentuk (atau bukan-studio) semesti juga

sekurang-kurang mencapai dalam tahap lulus (menurut skala PPS/PPD berkenaan).

5.3 Pertimbangan Pensetaraan oleh PPS/PPD

MAPS menyerahkan kepada pihak PPS/PPD dalam memberi pertimbangan mengenai pensetaraan (*equivalency*) bagi setiap permohonan pelajar dengan menjadikan peruntukan dalam Pekeliling ini khususnya dalam subperkara 5.2 sebagai sempadan dan parameter pertimbangan. Aspek holistik seseorang pemohon itu perlu diambil kira membabitkan aspek perbezaan standard permarkahan dan penggredan, keupayaan berkomunikasi, prestasi semasa temuduga, paparan portfolio, pengalaman kerja, dan sebagainya. Pada akhirnya pihak PPS/PPD harus bertanggungjawab terhadap pensetaraan yang diberikan kepada pemohon/pelajar. Kewajaran pindahan kredit ini akhirnya akan disemak oleh MAPS pada masa Lawatan Akreditasi dan oleh LAM ketika graduan membuat permohonan pendaftaran keahlian sebagai Inspektor Penyeliaan Kerja (*Inspector of Works*), Teknologis Senibina (*Architectural Technologist*), Arkitek Siswazah (*Graduate Architect*) dan Pereka Dalaman Siswazah (*Interior Designer*).

6.0 KUAT KUASA PELAKSANAAN

- 6.1** Pekeliling MAPS #1-2022 ini menggariskan beberapa ketetapan berhubung aspek kemasukan terus dan pindahan kredit yang diyakini mampu mendorong PPS/PPD dalam menggubal syarat dan ketetapan demi membantu kelancaran dan keserasian proses pengambilan program pengajian masing-masing
- 6.2** Pekeliling MAPS #1-2022 ini berkuat kuasa serta merta ke atas semua program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan atau/dan diakreditasi oleh LAM.

**Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia
LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

3 Januari 2022 (Isnin)